

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05/01/2018

SEBAGAI KAFIR

'Dia orang tua, biar insaf sendiri'

BH-5/1/2018
Pg. 6

➔ Hadi sifatkan Pengerusi PPBM melampau, terdesak untuk jatuhkan pemimpin lain

Oleh **Hanneeyzah Bariah Baharin**
hanneeyzah@bh.com.my

► Marang

"Dia orang tua dah, biar dia insaf sendiriilah."

Demikian reaksi Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, terhadap tindakan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad yang melabel beliau sebagai kafir dan pengkhianat kerana bekerjasama dengan UMNO.

Sambil mengakui tindakan Dr Mahathir melabel beliau kafir dan pengkhianat itu sebagai melampau, Hadi berkata, bekas

Perdana Menteri itu terdesak, apabila menjadikan serangan peribadi sebagai taktik politiknya untuk menjatuhkan pemimpin lain.

"Memang melampau (melabel kafir dan pengkhianat). Tetapi biar dia insaf sendiriilah. Dia orang tua dah.

"Dia macam orang terdesak yang sudah rapat ke dinding. Apabila rapat ke dinding, dia tak boleh nak pergi. Dia (terpaksa) rempuh dinding itu.

"Jadi tak pasal-pasal pecah kepala sendiri," katanya ketika ditemui selepas pelancaran markas besar PAS bagi Pilihan Raya Umum Ke-14 N20 Pengkalang Berangan, di sini, malam kelmarin.

Nasihat Dr Mahathir taubat Ahli Parlimen Marang itu turut menasihatkan Dr Mahathir supaya bertaubat kerana melabel beliau sebegini.

"Dia kena duduk sorang-sorang (bersendirian) dan fikirkan semula (apa yang dia cakap). Fikir dan kena banyak membaca. Jangan baca buku perubatan sahaja, buku Islam pun kena baca.

"Saya biarkan dia insaf sendiri. Mudah-mudahan dia insaf. Antara saya dan dia, saya sudah maafkan. Antara dia dengan tuhan, dia kena bertaubat," katanya.

Kelmarin, Dr Mahathir melabel Hadi sebagai kafir dan pengkhianat kerana bekerjasama dengan UMNO, selain mendakwa Hadi hanya menggunakan Islam kerana pernah mendakwa kerajaan sebagai kafir dan wajar ditentang.

Terdahulu dalam ucapannya, Hadi berkata, PAS sudah lama bersabar dengan Dr Mahathir, terutama sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri, apabila kerap menentang usaha parti itu mengukuhkan landasan pentadbiran Islam.

"Apabila kita (kerajaan PAS) lulus undang-undang Islam di Kelantan, dia beri amaran sekiranya kita laksanakan undang-undang Islam, kerajaan Pusat akan bertindak.

"Kalau dulu zaman Dr Mahathir, dia hina Islam. Tutup aurat pun dia kata bukan agama suruh, tetapi adat sahaja. Dia tak nak kita laksanakan hukum Islam," katanya.

Berbanding dengan kepe-

mimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak katanya, hasil politik matang dan sejahtera, PAS dan UMNO mampu bertemu dan bersetuju untuk membolehkan pelaksanaan beberapa hukum Islam.

Perdana Menteri sekarang boleh berbincang

"Perdana Menteri sekarang, kita boleh berbincang, kerana kita perlu kepada perubahan. Kalau zaman Mahathir, dia tak mahu fikir kita nak laksanakan Islam," katanya.

Mengenai tindakan bekas Naib Presiden PAS yang juga Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar keluar parti Ahad lalu, Hadi berkata: "Dia sudah lama keluar (PAS). Ibarat orang sudah mati lama, tetapi baru nak tanam."

Diminta mengulas tuduhan Dr Mahathir bahawa beliau punca Tragedi Memali, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rhu Rendang berkenaan, berkata sudah menulis buku mengenai tragedi itu dan sudah dicetak beberapa kali.

"Saya tak mahu ulang balik. Rujuk buku itu cukup," katanya.



Dia macam orang terdesak yang sudah rapat ke dinding"

Abdul Hadi Awang,
Presiden PAS

